

Penyelidik UPM hasilkan bekas makanan daripada sabut kelapa

Oleh **K Mohana Priya** - Februari 15, 2022 @ 3:09pm

bhnews@bh.com.my



Bekas makanan dari sabut kelapa membantu melestarikan alam sekitar sebagai alternatif kepada penggunaan polisterin dan plastik - Foto NSTP/UPM

KUALA LUMPUR: Penyelidik Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan inovasi bekas makanan biodegradasi berasaskan sabut kelapa yang menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar serta menyokong dasar kerajaan mengurangkan penggunaan plastik.

Ketua Penyelidik, Prof Madya Dr Siti Salwa Abd Gani, berkata fokus utama penghasilan inovasi itu adalah untuk memastikan ia mudah terurai dan cepat dibiodegradasi bagi menjadikannya alternatif terbaik kepada polisterin serta plastik.

Beliau berkata, penggunaan plastik yang berterusan dalam kuantiti banyak boleh mengakibatkan isu pemanasan global, pengumpulan gas rumah hijau, mengancam keseimbangan ekosistem negara serta kepupusan haiwan akuatik kerana menganggap plastik yang terdampar di lautan adalah bahan makanan hidupan laut.

"Menggunakan sabut kelapa, bekas makanan tidak lagi menjadi faktor yang menyumbang kepada pencemaran alam untuk jangka masa panjang sekali gus meningkatkan usaha negara untuk memulihara ekosistem kehidupan.

"Penghasilan bekas makanan mesra alam juga menawarkan pelbagai kelebihan seperti mudah dileraikan, murah, efektif dan menawarkan daya ketahanan tinggi yang boleh menampung berat makanan sehingga satu kilogram," katanya dalam kenyataan hari ini.

Siti Salwa berkata, pendekatan yang diambil untuk menghasilkan inovasi itu adalah menarik berbanding bekas makanan di pasaran dengan mengetengahkan konsep "From Waste to Wealth" menjadikannya sebagai daya penarik pengguna terutama bagi pencinta alam sekitar.

"Konsep diterapkan ternyata memberi kelebihan mengenai perhatian yang diberikan dengan menukarkan sisa terbuang menjadi bahan penting komponen bekas makanan demi memastikan kelestarian alam sekitar dan pengurangan sisa tanaman sabut kelapa dapat dicapai.

"Ekonomi Malaysia mencatatkan industri berasaskan pokok kelapa keempat terbesar dan terpenting membolehkan sisa tanaman sabut kelapa murah, mudah serta boleh dijadikan bahan asas yang baik untuk menghasilkan inovasi hijau," katanya.

Selain itu, ciptaan yang sudah dipatenkan itu dijangka menerima sambutan hangat daripada pengusaha makanan kerana faedah yang ditawarkan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Promosi dan Pengkomersilan Inovasi), Putra Science Park, UPM, Prof Madya Dr Wan Nurhayati Wan Ab Rahman, mengalukan kolaborasi dari pihak industri bagi memastikan hasil penyelidikan dapat disalurkan ke pasaran supaya semua pihak dapat menikmati manfaatnya ke arah kehidupan yang lebih selamat dan berteknologi tinggi.